



Headline: Usah mudah dedah maklumat peribadi
Publication/Portal: Harian Metro
Date: 12 November 2019

Language: Malay
Section: Setempat
Page: 6

Usah mudah dedah maklumat peribadi

Kuala Lumpur: Orang ramai dinasihatkan tidak memberi maklumat peribadi kepada individu tidak dikenali yang menghubungi melalui panggilan telefon atau menerusi mesej di media sosial.

Timbalan Pengarah (Jenayah Siber dan Multimedia) Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Victor Sanjos berkata, pihaknya menyedari kelicikan sindiket penipuan e-telekomunikasi yang menggunakan pelbagai modus operandi untuk menjerat mangsa.

"Kami menerima banyak laporan mangsa mendakwa menerima panggilan telefon atau mesej daripada individu tidak dikenali yang memaklumkan kod pengesahan transaksi (Tac) miliknya silap dihantar kepada nombor telefon orang lain (mangsa).

"Sindiket itu kemudian mendesak mangsa menyerahkan nombor Tac dengan memberi pelbagai alasan sehingga ada mangsa terpedaya dan memberikan maklumat diminta sebelum menyedari sejumlah wang dalam akaun bank me-

reka hilang.

"Dalam kes seumpama itu, orang ramai harus peka dengan transaksi akaun mereka dan jangan sesekali menyerahkan nombor Tac kepada individu terbabit, sebaliknya membuat semakan dengan pihak bank," katanya di sini, semalam.

Victor berkata, orang ramai perlu meletakkan perasaan ingin tahu sama ada maklumat disampaikan individu tertentu benar atau sebaliknya.

"Kita perlu buat semakan terlebih dulu dengan bank atau pihak berkaitan dengan dakwaan individu berkenaan. Sebaiknya, jangan teruskan perbualan yang meragukan bagi mengelakkan terus dipancing sindiket terbabit," katanya.

Terdahulu, Harian Metro melaporkan penyanyi popular, Wany Hasrita mengaku menjadi mangsa jenayah siber yang cuba memindahkan sejumlah wang daripada akaun bank miliknya.

Dia kemudian membuat pemeriksaan dan mendapati ada pembayaran RM1,850 kepada akaun sebuah perkhidmatan Internet fiber optik.

Jangan teruskan perbualan meragukan elak terus dipancing sindiket terbabit